

13/02/2005

Suara Malaysia tepis tohmahan

By Hafizah Iszahanid

DALAM diam tak diam dan beroperasi tanpa publisiti berbanding siaran radio lain, Suara Malaysia RTM yang ke udara menerusi 10 bahasa akan mencecah usia 42 tahun, Selasa ini.

Sebagai radio yang ditubuhkan untuk menerangkan dasar kerajaan selain meningkatkan hubungan dua hala dan pelaburan asing, tidak dapat tidak, Suara Malaysia memang tidak popular berbanding stesen radio milik RTM yang lain.

Pengarah Suara Malaysia, Keliwon Pajhar berkata, Suara Malaysia yang ditubuhkan pada 1963 sebenarnya mensasarkan pendengar di negara Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah.

"Kerana sasaran yang berbeza dengan stesen radio lain, kami memang kurang dikenali tetapi peranan Suara Malaysia dalam menepis tanggapan negatif negara luar sangat besar," katanya.

Saingan Suara Malaysia kata Keliwon bukan stesen radio swasta yang banyak di negara ini, sebaliknya pertubuhan besar seperti Cable News Network (CNN) British Broadcasting Corporation (BBC), Siaran Luar Jerman dan Siaran Luar China.

"Bila berlaku sesuatu peristiwa membabitkan Malaysia, memang selalu Malaysia dilihat negatif, contohnya tsunami baru-baru ini, ramai yang beranggapan Malaysia sudah ranap ditelan tsunami berikutan gambaran media di negara mereka.

"Pandangan orang luar salah kerana memperolehnya dari sumber yang salah. Justeru, menjadi tugas Suara Malaysia untuk pastikan mereka mendapat maklumat yang betul," katanya.

Paling hebat katanya, ketika menangkis tohmahan pada 1998, apabila Perdana Menteri waktu itu, Tun Dr Mahathir Mohamad menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk memulihkan ringgit yang terjejas teruk kerana spekulasi mata wang.

Waktu itu semua negara menganggap Malaysia mengambil tindakan kurang bijak dan menjadi tugas Suara Malaysia untuk memperbetulkan tanggapan itu dan menjelaskan pendirian Malaysia yang ternyata langkah bijak dalam memulihkan ekonomi negara.

"Pernah juga ada orang bertanya tentang benarkah ada pengganas di Menara Berkembar Petronas. Soalan-soalan begini yang menjejaskan imej negara harus diperbetulkan," kata Keliwon.

Ketika ini dengan kekuatan 65 juruhebah, Suara Malaysia bersiaran 24 jam sehari dengan 10 saluran iaitu bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Indonesia, Mandarin, Tagalog, Thai, Myanmar, Arab selain dua saluran agama yang satunya dalam bahasa Inggeris, Voice of Islam dan satu lagi dalam bahasa Melayu, Suara Islam.

Apa yang menarik, kebanyakan juruhebahnya adalah penutur tetap bahasa perantaraan. Misalnya bagi siaran bahasa Thai, juruhebahnya memang berdarah Thailand manakala untuk siaran Myanmar, juruhebahnya memang berasal dari Myanmar dan bukan sekadar orang Melayu yang fasih berbahasa asing.

Buat masa kini, Suara Malaysia sedang mempromosikan Malaysia sebagai rumah kedua, destinasi pelaburan dan pusat pengajian tinggi.

Mengimbau awal penubuhannya, Suara Malaysia hanya ke udara dengan tiga bahasa saja, Indonesia, Inggeris dan Mandarin selama sejam setiap hari. Tetapi ia berkembang sebagai pertubuhan penyiaran antarabangsa dengan jumlah siaran 147 jam. Antara negara sasarannya termasuklah Australia, New

Zealand, China, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Korea, Asia Tenggara, Afrika Utara dan Asia Barat.

Bagi mencari kelainan dan respon dari negara sasaran, lawatan-lawatan ke negara-negara sasaran juga dibuat untuk mengenal pasti kelemahan untuk diperbaiki. Selain itu, promosi Suara Malaysia ke negara luar dan penjualan program ke stesen radio luar seperti stesen radio Jordan turut dibuat.

Daripada surat pendengar yang diterima, ternyata ia menarik perhatian pendengar dan memiliki kelompok pendengar tersendiri. Kebanyakan surat yang tiba dari Eropah selain Australia dan New Zealand.

Begitupun tidak semua saluran boleh didengar di Malaysia, siaran berbahasa Inggeris yang disasarkan di negara-negara Eropah, Australia dan New Zealand, tidak boleh diikuti di sini. Tetapi secara keseluruhan, Suara Malaysia boleh didengar menerusi siaran pertama melalui gelombang pendek 15295 kHz 19 meter dari jam 1630 hingga 1830 waktu Malaysia. Ia meliputi kawasan Australia, New Zealand dan sekitarnya.

Siaran kedua melalui gelombang pendek 15295kHz 19 meter, 9750 kHz 31 meter dan 6175 kHz 49 meter dari jam 0100 hingga 0300 waktu Malaysia.

(END) Source : Berita Harian